

ISU TUNTUTAN HARTA INTELEK SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN: ANALISIS KRITIS DARI PERSPEKTIF SYARIAH DAN UNDANG- UNDANG

The Claim Issue of Intellectual Property as a Jointly Acquired Property: A Critical Analysis from Shariah and Law Perspective

Marina Abu Bakarⁱ, Noor Asyimah Ramliⁱⁱ, Saad Gomaa Gomaa Zaghoulⁱⁱⁱ, Ahmed Ramadan
Mohamed Ahmed^{iv}, Meryem Abous^v & Mohamad Fauzi Md Thahir^{vi}

^{i,iii,v,vi}Pensyarah, Kulliyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul
Halim Mu'adzam Shah, 09300, Kuala Ketil, Kedah. marinaabubakar@unishams.edu.my

ⁱⁱPeguam Syarie, Noor Asyimah & Associates, 13700, Prai, Pulau Pinang. noorasyimah@yahoo.com.

^{iv}Pensyarah Kanan, Kulliyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul
Halim Mu'adzam Shah, 09300, Kuala Ketil, Kedah. Ahw57@yahoo.com

Abstrak	Abstract
<p>Harta sepencarian adalah harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya hasil daripada sumber-sumber atau usaha mereka bersama. Namun begitu, pada era digitalisasi ini, bentuk tuntutan harta sepencarian telah berubah daripada harta yang bersifat fizikal semata-mata kepada harta yang berbentuk intelek. Oleh yang demikian, tuntutan harta sepencarian juga turut melibatkan harta intelek pasangan yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan tersebut. Walaupun harta sepencarian adalah hak eksklusif suami isteri dalam perkahwinan, tetapi tuntutan harta sepencarian juga boleh dibuat oleh pihak ketiga selain daripada pasangan kepada perkahwinan tersebut. Malah, terdapat fatwa di negeri Kelantan yang membenarkan tuntutan sebegini. Urutan daripada ini, kajian ini bertujuan mengkaji isu tuntutan harta</p>	<p><i>Jointly acquired property is the property obtained during the marriage of a husband and wife as a result of their shared resources or efforts. However, in this era of digitilization, the claim form of jointly acquired property has changed from a purely physical property to an intellectual property. Therefore, the claim for jointly acquired property also involves the intellectual property of the married couple gained during the marriage period. Although jointly acquired property is an exclusive right of the husband and wife in a marriage, but this property claim can also be made by third parties other than the marriage couple. In fact, there is a fatwa (Islamic legal ruling) in the state of Kelantan that allowed such claim. As a sequence from this issue, this research aims to study the issue of intellectual property claim as a husband and wife jointly acquired property and analyze the issue of intellectual property claim as husband and wife jointly acquired property according to Islamic and legal perspective. This research is a qualitative</i></p>

intelek sebagai harta sepencarian suami isteri dan menganalisis isu tuntutan harta intelek sebagai harta sepencarian suami isteri mengikut perspektif syarak dan undang-undang. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif di mana data dalam kajian ini dikumpul melalui kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari berkaitan harta sepencarian dalam Islam, fatwa harta sepencarian di negeri Kelantan dan kes-kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah. Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa Mahkamah Syariah mengambil kira fakta kes dan pembuktian kes oleh Plaintiff dalam memutuskan tuntutan dan kadar pembahagian tuntutan terhadap harta sepencarian. Malah, didapati juga bahawa sehingga kini, tiada kes berkaitan tuntutan harta intelek sebagai harta sepencarian yang dilaporkan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia. Hasil kajian yang dikemukakan dapat memberikan panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam proses tuntutan harta sepencarian seperti mufti, peguam syarie dan hakim di Mahkamah Syariah dalam memutuskan hukum berkaitan harta intelek bagi kes-kes yang melibatkan tuntutan harta sepencarian di Malaysia.

Kata kunci: Harta Sepencarian, Harta Intelek, Isu Tuntutan Harta Sepencarian

research where the data were collected through the books of classical and contemporary Islamic jurisprudence literatures related to jointly acquired property in Islam, jointly acquired property fatwa (Islamic legal ruling) in the state of Kelantan and jointly acquired property cases in the Shariah Court. These data were then analyzed using a content analysis approach. The results of the research found that the Shariah Court took into account the facts and evidences of the case by the Plaintiff in deciding the claim and the rate of division of claims against jointly acquired property. In fact, it was also found that until now, there have been no cases related to intellectual property claims as jointly acquired property reported by the Syariah Court in Malaysia. The results of the research may provide guidance to the parties involved in the process of claiming jointly acquired property such as muftis, Sharie lawyers and judges in the Shariah Court in deciding the law related to intellectual property for cases involving jointly acquired property claims in Malaysia.

Keywords: *Jointly Acquired Property, Intellectual Property, Claim Issue of Intellectual Property*

PENDAHULUAN

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi secara bersama oleh suami dan isteri sepanjang perkahwinan yang sah di mana kedua-dua pihak memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung terhadap perolehan atau pemilikan harta tersebut (Jurnal Laporan Syariah, 2008). Ia adalah antara hak yang boleh dituntut oleh suami dan isteri disebabkan oleh perceraian,

kematian dan poligami (Sitiris, M & Halim, A.H., 2010). Sementara itu, harta intelek pula adalah sebarang gambaran idea dan ciptaan yang terhasil daripada pemikiran iaitu apa sahaja produk akal dalam pelbagai bidang sama ada berbentuk karya sastera, seni, kerja-kerja sains, hasil penyiaran, industri seperti paten dan perniagaan seperti tanda niaga dan lain-lain (Rosman, A.S., 2002). Semua hasil dan karya sebegini digelar sebagai harta intelek kerana ia lahir daripada sumber yang sama iaitu akal fikiran.

Pada asalnya harta sepencarian merupakan hak eksklusif pasangan suami dan isteri sahaja. Ini kerana dalam menentukan pembahagian harta sepencarian, pihak Mahkamah akan mengambil kira usaha bersama suami dan isteri, sumbangan-sumbangan yang diberikan secara langsung dan tak langsung oleh suami dan isteri, kewujudan anak-anak di bawah umur dan keperluan mereka dan apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak (suami atau isteri) yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka. Walau bagaimanapun, dalam era moden ini, bentuk harta sepencarian bukan hanya wujud dalam bentuk fizikal sahaja, tetapi dalam bentuk intelek. Meskipun harta sepencarian dianggap sebagai hak eksklusif bagi suami dan isteri sahaja, namun tuntutan harta sepencarian ini masih boleh dibuat oleh pihak ketiga selain daripada pasangan kepada perkahwinan tersebut. Malah, fatwa di negeri Kelantan telah membenarkan tuntutan sebegini. Justeru, kajian ini cuba menelusuri isu tuntutan harta intelek sebagai harta sepencarian suami isteri, di samping menganalisis isu tuntutan harta intelek sebagai harta sepencarian suami isteri mengikut perspektif syarak dan undang-undang.

HARTA SEPENCARIAN DALAM ISLAM

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi secara bersama-sama oleh suami isteri sepanjang perkawinan yang sah di mana kedua-dua pihak memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung terhadap perolehan atau pemilikan harta tersebut (Muhammad, A.K., 1996). Harta sepencarian dapat didefinisikan sebagai pendapatan atau harta yang diperolehi daripada usaha secara bersama antara suami dan isteri (Md. Nor, S.Z., 2007) dan termasuk pendapatan yang didapati daripada modal antara suami dan isteri (Abd. Latif, A., 2004). Perkara yang menjadi syarat kepada harta sepencarian ialah sumbangan pasangan masing-masing iaitu sama ada pihak suami atau isteri ketika mendapatkan harta tersebut. Selain itu, harta sepencarian juga turut merangkumi semua kategori harta tidak alih (*immovable property*) dan harta alih (*movable property*) yang diperolehi secara bersama semasa dalam tempoh perkahwinan yang sah, baik secara langsung atau tidak langsung dengan berlandaskan kepada hukum syarak (Yaacob, M.A & Md. Nor, S.Z., 1989).

Tiada definisi harta sepencarian secara khusus yang diberikan oleh para ulama' terdahulu. Antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini

ialah kerana adat kebiasaan pada zaman dahulu di mana hanya suami yang keluar bekerja untuk mencari nafkah bagi seisi keluarga manakala isteri pula hanya duduk di rumah menguruskan rumahtangga. Keadaan ini menyebabkan tiada isu berkaitan harta sepencarian yang timbul pada masa tersebut (Sitiris, M., 2008). Senario yang berbeza pula dapat dilihat di kawasan Nusantara di mana majoriti penduduk seperti di Indonesia, Brunei, Pattani dan Malaysia adalah petani. Suami dan isteri hidup secara bekerjasama mengusahakan tanah pertanian mereka dan apabila berlakunya perceraian, harta atau tanah yang telah diusahakan secara bersama ini akan dibahagikan antara mereka berdua. Justeru, konsep pembahagian harta sepencarian di Malaysia ini bukanlah sesuatu yang asing kerana ia telah pun diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi dan telah menjadi sebahagian daripada adat masyarakat Melayu. Malah, hukum harta sepencarian juga tidak bercanggah dengan ajaran Islam (Ibrahim, A., 1999). Meskipun konsep ini tidak dibincangkan secara khusus oleh para ulama' terdahulu, namun begitu mereka telah memberikan beberapa definisi tentang harta sepencarian seperti *Mata' al-Bayt* iaitu peralatan rumah tangga dan *Mal al-Zawjain* iaitu harta suami dan isteri dalam membicarakan konsep harta sepencarian ini.

Pada umumnya, harta sepencarian ialah harta pendapatan yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan. Walau bagaimanapun, tidak semua harta boleh diklasifikasikan sebagai harta sepencarian. Terdapat juga harta pendapatan yang diklasifikasikan sebagai bukan harta sepencarian seperti harta isteri atau suami yang diperoleh sebelum berkahwin dengan wangnya sendiri, hasil titik peluhnya atau hadiah atau *hibah* atau pusaka tanpa ada penambahan atau pemajuan terhadap harta itu selepas berkahwin oleh mana-mana pihak. Harta sebegini dikategorikan sebagai sama ada harta bawaan, harta pusaka, hadiah atau *hibah* yang diperoleh oleh suami atau isteri. Selain itu, harta yang diperoleh isteri semasa perkahwinan melalui usahanya sendiri tanpa ada sedikit pun sumbangan langsung daripada suami, maka ia bukanlah harta sepencarian. Perkahwinan semata-mata sahaja tidak melayakkan suami menuntut harta tersebut sebagai harta sepencarian. Begitu juga, apa-apa sumbangan oleh suami dalam menunaikan kewajibannya untuk menjaga keluarga dan rumah tangga sebagai mana yang ditetapkan oleh hukum syarak, tidaklah dikira sebagai usaha bersama bagi maksud mentafsirkan takrif "harta sepencarian". Antara harta yang diklasifikasikan sebagai harta sepencarian adalah seperti berikut:

1. Harta yang diperoleh oleh suami dalam tempoh perkahwinan walaupun pemerolehan itu menggunakan wangnya sendiri, atau hasil titik peluhnya tanpa sebarang sumbangan secara langsung daripada pihak isteri (sebagai isteri dikira sumbangan tak langsung).

2. Sama ada harta isteri atau harta suami yang dibawa sebelum berkahwin kemudian dimajukan secara bersama dalam masa perkahwinan termasuklah apa-apa hasil dan nilai tambahan daripada perkembangan dan pemajuan melalui usaha sendiri pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu, atau usaha bersama pihak-pihak kepada perkahwinan itu semasa perkahwinan berkenaan dengan harta-harta tersebut.
3. Apa-apa sumbangan oleh isteri dalam menjaga keluarga dan rumah tangga atau apa-apa urusan lain yang berhubungan dengan pemerolehan harta hendaklah dikira sebagai usaha bersama dalam mentafsirkan takrif "harta sepencarian".
4. Apa-apa sumbangan oleh suami (selain sumbangan dalam menunaikan kewajipannya untuk menjaga keluarga dan rumah tangga sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum syarak) yang membawa kepada pemerolehan harta hendaklah dikira sebagai usaha bersama bagi maksud mentafsirkan takrif "harta sepencarian".

Keharusan pensyarian harta sepencarian dalam Islam dapat dilihat antaranya melalui Al-Quran seperti dalam surah An-Nisa', ayat 32:

"Orang-orang lelaki beroleh bahagian daripada usahanya dan orang-orang perempuan beroleh bahagian daripada usahanya juga."

Melalui ayat ini, dapat difahami bahawa setiap lelaki dan wanita mempunyai bahagian masing-masing mengikut apa yang telah diusahakan oleh mereka. Justeru, harta sepencarian merupakan sebahagian daripada harta yang diusahakan oleh suami atau isteri dan layak untuk dituntut bahagiannya sesuai mengikut usaha yang telah dilakukan bagi memiliki harta-harta tersebut.

Konsep harta sepencarian juga turut menepati konsep *maslahah*. *Maslahah* merupakan perkataan dalam bahasa Arab dengan kata dasarnya bermula daripada perkataan *salaha* yang bermakna memberi manfaat dan kebaikan serta tidak membinasakan (Ibn al-Manzur, 1993). Perkataan *maslahah* juga merujuk kepada kata nama kepada perkataan *salaha* dan kata *mufrad* (tunggal) bagi *maslahah* yang bermaksud kebaikan atau hilangnya kerosakan dan kemanfaatan daripada sesuatu (Mustafa, I. et al., 1972). Oleh itu, sesuatu perkara yang boleh mendatangkan keuntungan dan memberikan kebajikan dikira sebagai sesuatu yang mempunyai *maslahahnya* yang tertentu. Manakala, konsep harta sepencarian adalah bertepatan dengan konsep *maslahah mursalah*. *Maslahah mursalah* dinamakan dengan *maslahah* kerana sifatnya yang memberi manfaat dan kebaikan serta dapat mengangkat keburukan dan kebinasaan. *Mursalah* pula merujuk kepada keadaannya tidak

mempunyai nas yang memperakuihnya dan tiada nas yang membatalkannya (Jalal al-Din, 1983). Konsep harta sepencarian adalah bersandarkan kepada *masalah mursalah* iaitu memelihara kemaslahatan atau kepentingan kedua-dua pihak dalam memelihara harta.

Selain itu, konsep harta sepencarian juga bertepatan dengan kaedah fiqh *al-'Adah Muhakkamah*, iaitu adat yang diakui sebagai hukum dan '*uruf* (adat) itu pula diterima oleh syarak. Hal ini kerana harta sepencarian merupakan tradisi atau adat orang Melayu secara turun-temurun yang diamalkan secara konsisten dalam komuniti, berterusan dan diketahui oleh masyarakat umum. Oleh yang demikian, sesuatu '*uruf* (adat) apabila diprakerui baik dan sesuai kedudukannya oleh undang-undang, maka ia menjadi peraturan yang perlu dipatuhi (Muhammad, A.K., 1996).

HARTA SEPENCARIAN MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Perundangan berkaitan harta sepencarian telah wujud di Malaysia sebelum zaman kemerdekaan lagi iaitu melalui Mahkamah Sivil, Mahkamah Adat (Hoe, L.H., 1973) dan Mahkamah Syariah (Tapah, S., 2003). Sebelum terdabalnya undang-undang yang khusus berkaitan harta sepencarian orang Islam, kadi dan hakim Mahkamah Syariah berhadapan dengan cabaran dalam menentukan asas bagi tuntutan harta sepencarian di bawah undang-undang Islam (Ibrahim, A., 1999). Kemudian, sehingga tahun 1980-an juga, bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes harta sepencarian suami isteri masih lagi di bawah Mahkamah Sivil (Abdul Rahman, N., 1983). Walau bagaimanapun, keadaan telah berubah apabila bidang kuasa ini telah dipindahkan sepenuhnya kepada Mahkamah Syariah. Bidang kuasa ini telah menjadi hak eksklusif Mahkamah Syariah selepas berlakunya pindaan terhadap perkara 121 1(A), Perlembagaan Persekutuan. Bagi pasangan berkahwin yang bukan Islam pula, harta sepencarian ini dibicarakan di Mahkamah Sivil melalui konsep harta perkahwinan. Meskipun demikian, terdapat persamaan antara konsep harta sepencarian dan harta perkahwinan yang mana kedua-duanya menggunakan konsep sumbangan dalam harta (Mat Hussin, M.N & Jamaluddin, M.H., 2016).

Dari segi undang-undang, pada asalnya, tuntutan harta sepencarian merupakan hak eksklusif suami dan isteri samada yang melibatkan kes perceraian, poligami atau pun kematian. Perkara ini berlaku kerana hanya suami atau isteri sahaja yang mempunyai *locus standi* (Badriah Hasbullah, 2017). *Locus standi* penting dalam menentukan samada seseorang itu mempunyai hak untuk didengari atau tidak di Mahkamah. Bagi memastikan seseorang individu itu mempunyai hak untuk didengari di Mahkamah, individu tersebut mestilah menunjukkan kepada Mahkamah perkaitan dirinya dengan perkara yang ingin diadukan di Mahkamah. Jika wujudnya perkaitan, maka ia bermakna individu tersebut mempunyai *locus standi* dan diberikan hak oleh Mahkamah untuk didengari aduannya. Selepas kematian,

pihak waris selain daripada suami dan isteri tidak mempunyai *locus standi* untuk membuat tuntutan harta sepencarian bagi pihak si mati. Ini kerana harta sepencarian adalah berbeza dengan keadaan harta pewarisan atau harta pusaka Islam di mana waris mempunyai *locus standi* secara automatik sebaik sahaja berlakunya kematian. Meskipun demikian, terdapat pengecualian dalam keadaan-keadaan tertentu yang membenarkan waris menuntut harta sepencarian selepas kematian si mati demi menjamin keadilan dan menjaga kemaslahatan terhadap harta yang ditinggalkan. Malah, tuntutan harta sepencarian ini juga seharusnya diselesaikan terlebih dahulu oleh waris si mati sebelum berlakunya pembahagian harta pusaka si mati (Hasbullah, B., 2017). Untuk kes poligami, tuntutan harta sepencarian diperuntukkan dalam Undang-Undang Keluarga Islam negeri bagi ke semua negeri-negeri di Malaysia ini kecuali negeri Terengganu dan Sarawak. Peruntukan mengenai tuntutan harta sepencarian yang melibatkan poligami termaktub dalam seksyen 23, Akta dan Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Dalam seksyen 23(9), jelas diterangkan bahawa harta sepencarian dalam poligami boleh dituntut oleh pasangan suami dan isteri (Zakaria, N.F., 2018).

Amalan di Mahkamah Syariah Malaysia pula menetapkan bahawa harta sepencarian yang dituntut mestilah diperolehi semasa tempoh perkahwinan yang sah antara suami dan isteri. Suami atau isteri pula hendaklah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung sepanjang perkahwinan tersebut (Razak, M.S., 2018). Manakala dalam mensabitkan keputusan tentang harta sepencarian, tiga aspek iaitu pembuktian, keterangan dan harta sepencarian yang akan diambil kira dalam membuktikan wujudnya sumbangan pihak-pihak terhadap sesuatu harta yang diperolehi semasa tempoh perkahwinan (Mohd Noor, R., 2007). Keputusan pensabitannya pula hendaklah berlandaskan kepada hukum syarak dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri (Razak, M.S., 2018).

Di Kelantan, peruntukan mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah terhadap harta sepencarian adalah termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan. Melalui peruntukan ini, Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai kuasa untuk mendengar dan menjalankan perbicaraan berhubung dengan pembahagian atau tuntutan harta sepencarian. Selain itu, peruntukan mengenai harta sepencarian juga dijelaskan melalui Seksyen 122, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6. Tahun 2002. Sebelum wujudnya Enakmen ini, Kelantan mengguna pakai undang-undang tahun 1919 iaitu Notis nombor 33 tahun 1919 (Pembahagian Harta Benda Laki Bini) Kelantan, undang-undang tahun 1953 dan 1966 iaitu Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Mahkamah Qadhi Kelantan Tahun 1953.

HARTA INTELEK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Menurut sejarah, konsep harta intelek telah pun wujud dan diamalkan di kalangan masyarakat Islam terdahulu bermula dari zaman penurunan wahyu hingga ke akhir abad ke-17 Masehi. Dalam fasa ini, kewujudan konsep harta intelek dapat dibuktikan melalui beberapa amalan yang berlaku pada zamannya seperti penurunan dan penulisan wahyu secara *musyafahah* (bersemuka secara individu), pengaplikasian *sanad* dalam penyampaian ilmu, konsep pengijazahan dalam penyampaian ilmu serta pembudayaan dan penghormatan Islam terhadap ketinggian nilai ilmu.

Al-Quran telah diturunkan oleh malaikat Jibril secara *musyafahah* (bersemuka secara individu) kepada Rasulullah s.a.w secara beransur-ansur selama hampir 23 tahun. Wahyu yang disampaikan oleh malaikat Jibril ini kemudiannya dihafal oleh Rasulullah S.A.W dan disampaikan kepada jurutulis-jurutulis yang dilantik dari kalangan para sahabat agar mereka mencatat wahyu tersebut. Ke semua jurutulis ini telah mencatat wahyu yang disampaikan di hadapan Rasulullah S.A.W dan baginda sendiri telah mengawasi penulisan wahyu yang dilakukan agar bebas daripada berlakunya sebarang kesalahan dan penyelewengan. Antara jurutulis yang terlibat adalah Saidina Abu Bakar, Umar al-Khattab, 'Uthman al-'Affan, 'Ali bin Abi Talib, Zaid bin Thabit, Mu'awiyah Ibn Abi Sufyan, Amir Ibn Fuhairah, Thabit bin Qais, Khalid Ibn Al-Walid, al-Zubair Ibn al-'Awwam dan 'Abdullah Ibn Salul. Proses penyusunan ayat-ayat dan surah-surah Al-Quran pula dibuat secara *tawfiqi* iaitu mengikut arahan Allah SWT melalui perantara malaikat Jibril (Ahmad, H.S., 1979). Bagi menjamin proses penyampaian wahyu yang efektif, malaikat Jibril akan membaca Al-Quran secara bertadarus dengan Rasulullah S.A.W iaitu bacaan dimulakan oleh malaikat Jibril mengikut susunan dan kemudian diikuti oleh baginda (Abd Majid, M.Z., 1992). Metodologi penyampaian dan penulisan wahyu ini membuktikan bahawa Al-Quran merupakan kitab Allah SWT yang berautoriti dan terpelihara daripada sebarang kepalsuan dan penipuan. Penyampaian secara *musyafahah* ini menyerupai pengiktirafan hak kepada pemilik-pemilik karya demi mengelakkan daripada berlakunya sebarang perubahan dan kepalsuan ke atas karya milik asal mereka.

Sanad pula adalah rantai perawi yang terlibat dalam periwayatan hadis dari seorang perawi kepada perawi yang lain sehingga sampai kepada perawi yang terakhir ('Itr, Nur al-Din., 1988). Islam telah mengiktiraf peranan *sanad* dalam penyampaian ilmu kepada orang lain kerana penerimaan kesahihan sesuatu maklumat adalah bergantung kepada kekuatan sanadnya. Kepentingan sanad ini jelas termaktub dalam Al-Quran, hadith dan *athar* sahabat. Dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman:

“Katakanlah (wahai Muhammad s.a.w kepada orang-orang musyrik yang menentangmu): “Sudahkah kamu mengetahui kekuasaan dan kelayakan makhluk-makhluk yang kamu seru dan sembah yang lain dari Allah SWT? Tunjukkanlah kepadaku apakah yang mereka ciptakan dari bahagian bumi ini? Atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah SWT) dalam mencipta dan menguruskan langit? Bawalah kamu kepadaku sebuah Kitab (dari Allah SWT) yang lain daripada Al-Quran ini, atau sebarang keterangan yang berdasarkan ilmu (peninggalan orang-orang yang telah lalu) kalau betul kamu orang-orang yang benar (tentang dakwaan kamu itu)!” (Surah al-Ahqaf: ayat 4)

Di dalam hadith daripada Salmah pula, Rasulullah s.a.w telah bersabda seperti mana yang berikut:

“Sesiapa yang memperkatakan apa yang tidak aku katakana, maka tersedia tempatnya di neraka” (al-Bukhari, 1981, Hadith No. 109).

Dalam sebuah *athar* ‘Abdullah Ibn Mubarak ada menyebut:

“Penggunaan *sanad* adalah sebahagian daripada agama. Tanpanya orang akan memperkatakan perkara-perkara agama sesuka hati” (al-Hajjaj, 1994).

Sanad amat penting dalam membasmi pendustaan dan penyelewengan serta memastikan bahawa perawi mempunyai hak sebagai penyampai ilmu. Malah, konsep *sanad* ini juga bertepatan dengan hak *paternity* (Ida Madiha Abdul Ghani Azmi, 1996). Islam bukan sahaja menitikberatkan aspek latar belakang perawi dalam periwayatan hadith, sebaliknya turut menekankan kesahihan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh perawi. Kajian turut dilakukan terhadap pengklasifikasian hadith-hadith mengikut kesahihannya. Pada peringkat awal Islam, konsep ini hanya terpakai dalam periwayatan hadith. Namun begitu, dengan peredaran zaman, konsep ini diperluaskan penggunaannya dalam bidang fiqh dan syair. Contoh dalam bidang fiqh ialah pengeluaran fatwa. Meskipun ramai ulama’ tersohor dalam pelbagai mazhab telah melahirkan ramai anak murid yang terdiri daripada tokoh-tokoh Islam yang terkenal, namun tidak semua anak murid tersebut diberikan keizinan untuk menerbitkan fatwa yang diajarkan oleh guru mereka. Kebenaran ini pula sangat berkait rapat dengan ketokohan dan kepercayaan guru terhadap anak murid mereka. Justeru, Islam tidak terus mendakwa kebenaran sesuatu fatwa apabila ada seseorang yang mendakwa bahawa dia telah mendengar fatwa daripada seorang yang alim semata-mata. Fatwa dan latar belakang individu yang mengeluarkan fatwa tersebut akan diteliti dan dikaji sebelum ia ditentukan kebenarannya.

Konsep pengijazahan dalam penyampaian ilmu juga diamalkan di antara guru dan murid melalui cara *musyafahah* (bersemuka secara individu). Guru akan mengajar dengan menyebut satu-persatu ilmu di hadapan anak muridnya dan kemudian ilmu tersebut dicatat oleh anak muridnya. Kemudian, guru akan memeriksa kandungan catatan ilmu yang dicatat oleh anak muridnya sebelum menandatangani catatan tersebut. Perkara ini sangat penting bagi memastikan bahawa ilmu yang disampaikan adalah benar dan mengelakkan pemahaman yang salah di kalangan anak muridnya. Bentuk pengijazahan ilmu seperti ini adalah mirip dengan sistem hak cipta pada hari ini. Ia seumpama lesen yang diperlukan untuk menggunakan sesuatu harta intelek. Konsep *ijazah* ini jelas mempamerkan bahawa pengiktirafan sistem hak cipta, tanda niaga, paten dan sebagainya daripada dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Islam juga sangat menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Orang yang berilmu juga dipandang tinggi dan dianggap mulia di sisi Islam. Pembudayaan dan ketinggian martabat ilmu ini dapat dilihat melalui ayat-ayat Al-Quran, hadith, sirah Rasulullah S.A.W dan para sahabat a.s., sejarah ilmuwan Islam dan *'uruf* (adat). Antara ayat Al-Quran yang menggalakkan manusia menuntut ilmu adalah seperti mana firman Allah SWT:

“Katakanlah: “Mengembaralah kamu di muka bumi ini, serta lihatlah bagaimana Allah SWT telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah SWT akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu” (Surah al-‘Ankabut: ayat 20)

“Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah SWT dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah SWT Maha Berkuasa lagi Maha Pengampun” (Surah al-Faatir: ayat 28)

Selain itu, terdapat beberapa hadith yang diriwayatkan oleh para sahabat berkaitan kelebihan menuntut ilmu dan celaan terhadap mereka merujuk orang-orang jahil dalam urusan agama. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Muhammad Ibn ‘Abd al-‘Ala al-San’ani, sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Kelebihan orang yang berilmu ke atas ahli ibadah seperti lebihhanku ke atas orang yang paling rendah di kalangan kamu” (Muhammad bin Ismail al-Bukhari, 1981, Hadith No. 2609).

Hadith yang diriwayatkan oleh Hisyam Ibn 'Ammar daripada Muhammad Ibn Sirin daripada Anas Ibn Malik, Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

"Menuntut ilmu difardhukan ke atas setiap Muslim dan orang yang mengambil ilmu bukan daripada ahlinya (pakarnya) seperti mengikat di tengkuk khinzir dengan berlian, permata dan emas" (Ibn Majah, Muhammad Yazid., t.t, Hadith No.224).

Pembudayaan ilmu di kalangan Rasulullah S.A.W dan para sahabat juga dapat dilihat melalui kemajuan dan teknologi yang digunakan dalam peperangan bagi menghadapi musuh-musuh Islam (Quzamil, S.R., 2001). Sebagai contoh, pembinaan parit dalam peperangan Khandaq dan strategi-strategi peperangan dalam melawan musuh. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813 Hijrah), kota Baghdad telah berjaya menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan yang terkenal di seluruh dunia dan menjadi tumpuan pelbagai para ulama' Islam dan ilmuwan di Eropah (Quzamil, S.R., 2001). Kegemilangan umat Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan turut tercatat dalam sejarah. Antaranya adalah hasil-hasil penemuan dan teori ilmu para cendekiawan Islam seperti al-Razi yang mencipta teori Algebra, Ibn Khaldun yang membangunkan teori sosial Islam, Jabir Ibn Hayyan yang memberi sumbangan dalam bidang kimia dan Ibn Sina pula dalam bidang perubatan. Dari segi *'uruf* pula, ilmu dianggap sebagai suatu keperluan yang sangat penting pada zaman ini. Masyarakat dinilai melalui taraf keilmuannya dan ini menyebabkan mereka yang tidak berilmu akan terus ketinggalan daripada kemajuan dunia yang sentiasa berkembang dari zaman ke zaman. Masyarakat yang ingin mencapai kejayaan di dunia dan akhirat perlulah menyeimbangkan antara keperluan dunia dan akhirat dengan ilmu pengetahuan. Ini kerana hanya dengan ilmu pengetahuan kegemilangan tamadun Islam dapat dikembalikan semula (al-Durayni, F., 1984).

Amalan pemberian hak milik ke atas harta intelek juga bukanlah sesuatu yang asing di dalam Islam. Kebanyakan buku pada zaman peradaban Islam hanya dicetak dengan kebenaran yang jelas daripada penulisnya (Makdisi, G., 1981). Perkara ini menyamai hak turunan (*paternity*) yang diberikan kepada pemilik karya untuk membolehkan penulis tersebut menuntut hasil ciptaannya dan pada masa yang sama dapat mengenalpasti penulis sebagai pencipta karya tersebut. Ibn Khaldun misalnya, lantang mengkritik amalan plagiat dengan mengecam peniruan idea dan karya orang lain (Ibn Khaldun, t.t). Imam al-Ghazali pula telah meriwayatkan bahawa Ibn Ahmad apabila ditanya sekiranya hilang beberapa helaian muka surat dalam buku yang tercatat padanya hadith-hadith, adakah dibolehkan bagi mereka yang menjumpainya untuk menyalin semula catatan tersebut, maka

dijawabnya: “Tidak boleh, bahkan perlu meminta izin terlebih dahulu sebelum menyalinnya” (al-Ghazali, 1994). Menurut Ida Madieha Abdul Ghani Azmi (2000), adalah jelas bahawa metodologi yang digunakan oleh para ulama’ terdahulu dapat memelihara karya penulis melalui penjagaan nama dan hak intelektual dengan menisbahkan setiap karya kepada penulisnya (Abdul Ghani Azmi, I.M., 1996). Selain itu, amalan penguatkuasaan tanda niaga ke atas barang-barang perniagaan telah diamalkan secara meluas pada zaman pemerintahan Kerajaan ‘Abasiyyah. Pada zaman ini, barang-barang dagangan mempunyai tanda harga yang menunjukkan asal-usul dan pembuat barang tersebut. Ia merupakan pengiktirafan yang membuktikan bahawa barang-barang dagangan tersebut telah memenuhi syarat-syarat kualiti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa (Ibn al-Ukhuwwah, 1976). Penggunaan tanda harga pada barang-barang dagangan ini adalah sama seperti penggunaan cap dagangan dan paten yang digunakan pada masa kini.

Sementara itu, para ulama’ mazhab pula telah membahaskan konsep harta dalam Islam mengikut definisi masing-masing. Perbahasan tentang definisi harta dapat dibahagikan kepada dua pendapat yang utama iaitu pandangan majoriti (mazhab Syaf’ie, Maliki dan Hanbali) dan pandangan minoriti iaitu ulama’ mazhab Hanafi. Majoriti ulama’ mazhab berpandangan bahawa harta adalah sesuatu yang mempunyai unsur manfaat, bernilai dan boleh dimiliki (mengikut mazhab Maliki). Pandangan ini dilihat berbeza dengan ulama’ mazhab Hanafi yang menolak manfaat sebagai harta. Justeru, dapat dirumuskan bahawa hak cipta tidak dianggap sebagai harta menurut pandangan ulama’ mazhab Hanafi. Meskipun begitu, tiada perbincangan khusus mengenai hak cipta dari aspek teori harta (Mazlan, M.F & Muda, M.Z., 2020). Konsep harta intelek mula dibincangkan secara serius dan diterokai oleh para ulama’ kontemporari bermula awal abad ke-20. Para ulama’ kontemporari pula mempunyai pandangan yang berbeza-beza dalam memberikan takrifan harta intelek. Antara ulama’ kontemporari yang membincangkan tentang konsep harta intelek adalah Fath al-Durayni, al-Zarqa’, Muhammad ‘Uthman Syibir, ‘Abdullah Mabruk al-Najjar, Nu‘man Jum’ah, Nazih Muhammad, ‘Ali al-Khafif dan Reda ‘Abdul Rahman Wahdan (al-Durayni, F.,1984; al-Zarqa’, Mustafa Ahmad., 1968; Syibir, Muhammad ‘Uthman., 1999; al-Najjar, ‘Abdullah Mabruk., 1990; Jum’ah, N., 1977; Muhammad, N., 1977; al-Khafif, ‘Ali., 1990 & Wahdan, Reda ‘Abd al-Rahman 1996). Definisi-definisi harta intelek ini telah diringkaskan seperti yang berikut:

Jadual 1: Definisi Harta Intelek Mengikut Pandangan Ulama' Kontemporari

No.	Ulama' Kontemporari	Definisi Harta Intelek
1.	Fath al-Durayni	Harta intelek ialah gambaran pemikiran yang dihasilkan oleh seseorang melalui kemampuan pemikirannya sehingga terhasil penemuan dan ciptaan yang belum pernah didahului oleh orang lain sebelum daripadanya.
2.	Al-Zarqa'	Harta intelek merangkumi hak cipta seperti hak penulis untuk mengambil manfaat daripada bukunya, wartawan di dalam keistimewaan surat khabarnya dan seniman daripada karya-karya seninya. Ia juga merangkumi hak pencipta alatan, penggubah paten niaga dan pencipta tanda niaga.
3.	Muhammad 'Uthman Syibir	Harta intelek dinamakan sebagai <i>al-Huquq al-Ma'nawiyah</i> . Ia merujuk kepada kuasa seseorang ke atas barang tidak nyata (<i>ma'nawi</i>) sama ada produk akal seperti hak penulis di dalam penulisan-penulisan ilmiah dan karya sastera atau pun paten di dalam ciptaan-ciptaan perindustrian dan tanda niaga.
4.	'Abdullah Mabruk al-Najjar	Harta intelek adalah pemilikan manusia ke atas hasil pemikirannya dan ciptaan akalnya. Pandangan ini hanya memfokuskan harta intelek kepada hak pengarang sahaja.
5.	Nu'man Jum'ah	Harta intelek dinamakan sebagai <i>al-Huquq al-Zihniyyah</i> . Merujuk kepada hak-hak seseorang individu ke atas idea dan ciptaannya yang telah wujud terpisah daripada individu tersebut dan terdapat dalam bahantara fizikal
6.	Nazih Muhammad	Harta intelek adalah hak pemikiran dan ia merupakan hak individu ke atas sesuatu harta tidak nyata yang merupakan hasil dan buah fikiran serta imajinasinya seperti hak pengarang, paten dan tanda niaga.
7.	'Ali al-Khafif & Reda 'Abdul Rahman Wahdan	Harta intelek merupakan sesuatu yang disandarkan kepada barang-barang tidak ketara (<i>ma'nawi</i>) yang tidak dapat dikesan

		dengan pancaindera tetapi hanya boleh ditanggapi dengan akal fikiran seperti idea dan ciptaan.
--	--	--

Berdasarkan kepada takrifan-takrifan yang diberikan oleh para ulama' kontemporari, dapat disimpulkan bahawa harta intelek terdiri daripada dua elemen utama iaitu samada sebagai manfaat atau sebagai hak. Sesetengah sarjana pula berpendirian bahawa hak paten, hakcipta dan lain-lain adalah hak harta intelek dan bukannya harta intelek itu sendiri (Rosman, A.S., 2002). Oleh yang demikian, harta intelek dapat didefinisikan sebagai sebarang gambaran idea dan ciptaan yang terhasil daripada pemikiran yang dizahirkan dalam suatu bahantara fizikal dan sekumpulan hak dan kuasa ke atas ciptaan-ciptaan tersebut yang disabitkan oleh syarak kepada pemiliknya untuk mengawal, memanfaatkan, mengguna dan mentadbir harta-harta tersebut mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syarak. Walaupun konsep harta intelek tidak wujud sebagai sebuah konsep yang khusus pada era awal Islam, namun amalan-amalan seperti memastikan pengaliran maklumat secara sah dan terpelihara serta bebas daripada sebarang unsur-unsur penyelewengan, memelihara hak-hak pencipta terhadap ciptaan, karya dan idea mereka telah pun diamalkan oleh masyarakat Islam terdahulu. Metodologi penjagaan harta intelek sejak zaman-berzaman ini turut mendapat pujian daripada sarjana Barat (Streibich, H.C., 1975). Maka, tidak hairanlah mengapa kebanyakan buku yang ditulis oleh para ulama' pada zaman dahulu masih lagi terpelihara sehingga ke saat ini (Ibn Khaldun, t.t). Kini, Islam telah mengiktiraf harta intelek sebagai salah suatu bentuk harta berdasarkan empat faktor utama iaitu ia tidak bertentangan dengan *nas*, diamalkan oleh keseluruhan negara umat Islam khususnya dan dunia secara umumnya. Ia telah wujud dan sedang diamalkan ketika penetapan hukum tentangnya dibuat dan tiada perkataan atau perbuatan yang menunjukkan harta intelek tidak diiktiraf oleh syarak (Rosman, A.S., 2000). Tambahan pula, hukum harta intelek ini telah pun disepakati oleh para ulama' kontemporari dalam persidangan *Mu'tamar Majma' al-Fiqh al-Islami* kali ke-5 di Kuwait pada 10 Disember 1988 (Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, 2020).

Harta intelek wujud dalam dua bentuk utama. Bentuk pertama, sebagai gambaran idea dan ciptaan yang terhasil daripada pemikiran yang dizahirkan dalam suatu bahantara fizikal yang memberikan hak dan kuasa yang disabitkan oleh syarak ke atas ciptaan-ciptaan tersebut. Manakala bentuk kedua pula merupakan hak yang dimiliki oleh pemilik harta intelek yang membolehkannya mengawal, memanfaatkan, mengguna dan mentadbir harta-harta tersebut. Bagi bentuk yang pertama, gambaran idea dan ciptaan ini boleh wujud dalam bentuk hasil penulisan dan karya-karya seni, paten, cap dagangan atau tanda niaga dan reka bentuk perindustrian. Bentuk yang

kedua pula wujud dalam bentuk hak cipta dan hak harta industri (hak paten, hak cap dagangan, hak rekapipta industri). Kedua-dua hak ini membenarkan pemilik atau penciptanya memiliki hak moral dan hak ekonomi. Hak moral ialah hak seorang pengkarya untuk menghalang perubahan atau pengurangan yang dilakukan ke atas karya ciptaannya, hak untuk menghalang kepalsuan ke atas karyanya dengan menisbahkan namanya kepada kerja-kerja yang tidak dilakukannya dan hak menghalang orang lain daripada menggunakan karyanya atau namanya sehingga merosakkan reputasi kemahiran dan kedudukannya (Kitner, E.W., 1975). Antara contoh hak moral ialah hak *paternity* dan hak *integrity*. Hak *paternity* atau *haq al-Ubuwwah* merujuk kepada hak seorang pemilik karya bagi membolehkannya menuntut penciptaan karya atau hasil ciptaannya agar ia dikenalpasti sebagai pengarang atau pencipta karya tersebut (al-Najjar, 'Abdullah Mabruk., 1990). Hak ini menjamin pencipta mendapat pengiktirafan sebagai seorang karyawan atau pencipta (Hassan, K.H., 1990). Hak *integrity* membolehkan pencipta membantah sebarang perubahan yang dilakukan oleh orang lain ke atas hasil ciptaannya sehingga memudharatkan kehormatan dan reputasinya. Hak ekonomi pula adalah sesuatu yang bersifat kebendaan dan bertujuan untuk memastikan pemilik atau pencipta harta intelek mendapat pulangan dalam bentuk kewangan daripada urusan harta tersebut (Hassan, K.H., 1990). Hak ini membolehkan pemilik harta intelek mempunyai hak untuk mengeksploitasi harta-hartanya secara komersial sama seperti barangan fizikal yang lain (Hassan, R., 1993) dan mengawal harta-harta tersebut daripada diambil tanpa hak.

Majoriti ulama' mengiktiraf harta intelek sebagai harta di sisi syarak kerana mereka berpandangan bahawa manfaat dikira sebagai harta (Syalabi, Muhammad Mustafa., 1966; Madkur, Muhammad Salam., 1955, al-Khafif, 'Ali., 1996). Dengan itu, segala hukum syarak yang tertakluk ke atas harta-harta fizikal juga terpakai ke atas harta intelek. Meskipun demikian, terdapat beberapa perbezaan antara harta intelek dan harta fizikal. Ringkasan perbezaannya digambarkan seperti yang berikut:

Jadual 2: Ringkasan Perbezaan antara Harta Fizikal dan Harta

No.	Aspek Perbezaan	Harta Fizikal	Harta Intelek
1.	Tabiat harta pendasar (<i>mahal</i>)	Harta pendasar bagi harta fizikal adalah berbentuk fizikal.	Harta pendasar bagi harta intelek berbentuk gambaran idea yang lahir dari pemikiran semata-mata. Harta pendasar bersifat maknawi.
2.	Keabadian	Pemilikan harta fizikal	Pemilikan harta intelek

	pemilikan	dan hak ke atasnya bersifat abadi dan kekal.	dan hak ke atasnya bertempoh.
3.	Kuasa	Pemilikan ke atas hak harta fizikal dapat menyempurnakan 3 kuasa asas pemilikan iaitu mengguna (<i>isti'mal</i>), mengeksploitasi (<i>isitighlal</i>) dan mengurus (<i>tasarruf</i>) atas harta.	Dalam pemilikan hak ke atas harta intelek, kuasa pemanfaatan (<i>isti'mal</i>) telah ternafi. Ini berlaku kerana penjualan salinan-salinan karya atau harta intelek menyebabkan pemilik karya tidak dapat memanfaatkannya kerana salinan-salinan tersebut telah dijual dan dimiliki oleh pembeli.
4.	Batasan Pemilikan	Harta fizikal (tidak termasuk tanah dan pokok) hanya wujud terhad sebagai satu objek sahaja.	Harta intelek wujud dalam bentuk idea dan ciptaan boleh wujud dalam pelbagai bentuk. Contohnya, sesebuah karya ilmiah boleh wujud dalam bentuk buku, dokumen, dirakam dalam MP3, dibuat dalam bentuk CD dan pada masa yang sama boleh disalin dan dicetak dalam jumlah yang banyak.
5.	Sifat harta	Harta fizikal berdiri sendiri kerana ia diperbuat dari bahan material yang boleh dicapai oleh pancaindera.	Harta intelek diwakili oleh bahantara fizikal seperti salinan karya, buku, model ciptaan teknologi dan lain-lain.

Perbezaan sifat yang wujud antara harta fizikal dan harta intelek ini telah menyebabkan para ulama' berbeza hukum mengenai pemilikan harta intelek. Oleh kerana harta intelek melibatkan manfaat dalam tempoh tertentu, maka harta intelek terikat dengan tempoh tertentu. Hak ke atas harta intelek boleh dimiliki oleh waris pemilik tidak lebih daripada tempoh yang ditentukan selepas daripada kematian pemilik asal harta intelek. Perkara ini sangat berbeza dengan harta fizikal yang mana pemilikan terhadap harta dan

hak harta tersebut adalah tidak bertempoh, malah boleh diwarisi sepanjang zaman.

HARTA INTELEK MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Meskipun idea dan konsep asas harta intelek sebenarnya telah lama wujud di dalam Islam, namun begitu, tidak banyak kajian yang dijalankan untuk menilai kedudukan harta intelek mengikut acuan Islam. Selepas abad ke-17 Masehi, proses pembudayaan ilmu dilihat semakin rancak dan berkembang di bahagian Timur dan Barat dunia. Pembudayaan ilmu yang aktif pada zaman tersebut telah membawa kepada terciptanya mesin cetak yang boleh mencetak ribuan salinan buku dan menyebabkan para pengarang buku mampu menikmati faedah kewangan yang besar hasil daripada karangan dan ciptaan idea mereka. Aktiviti keilmuan telah bertukar menjadi suatu bentuk kerjaya dan sumber pendapatan (al-Sanhuri, 'Abd al-Razzaq., 1967). Walau bagaimanapun, aktiviti mencetak buku tanpa izin daripada pengarangnya telah menyebabkan ramai pengarang mengalami kerugian yang besar. Rentetan daripada kerugian yang ditanggung ini, maka tercetuslah konsep harta intelek yang bermatlamatkan memelihara dan melindungi hak para pengarang ke atas harta intelek dalam bentuk karya-karya ilmiah dan buku-buku penerbitan. Konsep harta intelek ini telah membawa suatu trajektori baru dalam bidang keilmuan sehinggalah tertubuhnya pelbagai badan dan peruntukan undang-undang seperti akta dan enakmen yang bertujuan memelihara dan melindungi harta intelek.

Di peringkat dunia, undang-undang pertama yang ditubuhkan untuk melindungi hak harta intelek adalah undang-undang Perancis pada 13 Januari 1791 (al-Sanhuri, 'Abd al-Razzaq., 1967). Undang-undang ini mula digubal selepas Revolusi Perancis dengan tujuan menjamin hak para pengarang ke atas karya mereka dan membenarkan pewarisan hak tersebut selama lima tahun selepas kematian pengarang asal. Walau bagaimanapun, undang-undang Perancis ini bersifat terhad dan mempunyai beberapa kekangan atau kelompongan (*loopholes*). Perkara ini telah menyebabkan undang-undang ini sentiasa dipinda dari masa ke semasa sehinggalah 11 Mac 1957. Kesedaran terhadap pemeliharaan harta intelek semakin meningkat pada abad ke-19 apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mula menubuhkan Majlis Kesusasteraan dan Kesenian dalam persidangannya di Paris pada Disember 1878. Konvensyen Berne telah diadakan pada 19 September 1876 untuk mengiktiraf hak pengarang ke atas karya-karya mereka (al-Sanhuri, 'Abd al-Razzaq., 1967). Melalui konvensyen ini juga, beberapa pindaan dan perluasan skop telah dilaksanakan untuk melindungi harta intelek. Hasil daripada persidangan dan konvensyen yang dianjurkan oleh PBB juga, UNESCO telah ditubuhkan pada 6 September 1952 di Geneva dan dianggotai oleh pelbagai negara di seluruh dunia. Pada tahun 1979,

World Intellectual Property Organization (WIPO) telah ditubuhkan di Geneva. Keanggotaan WIPO telah meningkat saban tahun sehinggalah pada 20 Februari 1997, 161 buah negara telah bersetuju untuk menganggotai WIPO termasuk Malaysia (Arief Salleh Rosman, 2000). Hasil daripada siri-siri persidangan UNESCO dan WIPO, Malaysia mula menguatkuasakan akta harta intelek yang dikenali sebagai Akta Hakcipta 1987 (Akta Hakcipta 1987 (Akta 332)). Peruntukan mengenai harta intelek termaktub dalam seksyen 25 (2) sebagai mana yang berikut:

“... tertakluk kepada seksyen ini, apabila hak cipta wujud dalam sesuatu karya, tiada seorang pun boleh, tanpa persetujuan penciptanya, atau selepas kematian pencipta, wakil dirinya, melakukan atau membenarkan perlakuan mana-mana perbuatan yang berikut:

- (a) penyampaian karya itu dengan apa cara sekalipun, di bawah suatu nama selain daripada nama pencipta karya itu; dan*
- (b) penyampaian karya itu dengan apa cara sekalipun dalam bentuk yang diubahsuai...”*

Dalam konteks negara Malaysia dan dunia, pengiktirafan terhadap pemilikan harta intelek hanya menjadi sah di sisi undang-undang apabila ia didaftarkan (Lipton, J., 2000 & Bouchoux, D.E., 2001) kepada pihak yang berautoriti iaitu Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP, 2020). Pendaftaran ini bertujuan untuk menjamin hak eksklusif pemilik harta intelek berdaftar dalam urusan perdagangan dan memastikan harta-harta intelek yang telah didaftarkan dapat dilindungi oleh bahagian penguatkuasaan harta intelek melalui peruntukan undang-undang. Melalui proses pendaftaran, pemilik akan memiliki dokumen yang sah iaitu sijil pendaftaran sebagai dokumen penting yang dapat dijadikan bukti pengesahan hak milik harta intelek tersebut. Kegagalan untuk mendaftarkan harta intelek menyebabkan harta tersebut tidak dapat dilindungi. Bagi melindungi harta intelek daripada dicerobohi, dua bentuk kawalan dilakukan iaitu melalui perlindungan undang-undang dan kawalan teknikal (Zuall Cobby, R.W., 1999 & Turner, C., 2000). Di Malaysia, undang-undang berkaitan dengan harta intelek berasal daripada *Common Law*. Undang-undang berkaitan harta intelek mula digubal melalui Akta Hakcipta pada tahun 1969. Akta ini kemudiannya dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Hakcipta 1987 yang terpakai sehingga sekarang. Antara akta-akta yang telah digubal untuk melindungi harta intelek adalah seperti Akta Hakcipta 1987, Akta Cap Dagangan 1976 (pindaan pada tahun 1994 dan 2000), Akta Paten 1983 (pindaan pada tahun 1993, 1995 dan 2000), Akta Rekabentuk Perindustrian 1996 dan Akta Cakera Optik 2000 (Akta Hakcipta 1987 (Akta 332); Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175); Akta Paten 1983 (Akta 291); Akta

Rekabentuk Perindustrian 1996 (Akta 552) & Akta Cakera Optik 2000 (Akta 606)). Selain itu, Perbadanan Harta Intelek juga turut ditubuhkan pada 2 Januari 2003 dan bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan harta intelek sebagai mana yang termaktub dalam Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 (Akta 617). Ke semua akta yang diwujudkan ini telah memberi kuasa kepada agensi penguatkuasa seperti Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Polis Di Raja Malaysia untuk bertindak sekiranya berlaku sebarang pencerobohan ke atas harta intelek yang didaftarkan (KPDNHEP, 2020).

Malaysia sentiasa terkehadapan dalam usaha melindungi hasil karya intelek tempatan terutamanya di peringkat antarabangsa. Usaha ini dapat dilihat melalui perjanjian antarabangsa antara Malaysia dan beberapa buah negara seperti Konvensyen Berne, Perjanjian Paris dan *Perjanjian Trade Related Intellectual Rights (TRIPS)* yang diletakkan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Dari segi teknikal juga, terdapat pelbagai bentuk kawalan yang berasaskan teknologi telah dibangunkan untuk mengukuhkan lagi sistem keselamatan dalaman harta-harta intelek. Harta-harta intelek yang wujud dalam bentuk bahantara fizikal seperti buku, cakera padat (CD), kaset dan model rekaan teknologi memerlukan kepada kawalan secara fizikal bagi bahan-bahan ketara tersebut. Untuk melindungi harta-harta intelek sebegini, kawalan ke atas idea-idea dan karya-karya yang terkandung dalam bentuk buku, dokumen dan sebagainya dilakukan dengan menggunakan pengawal, loceng amaran iaitu penggera keselamatan dan lain-lain. Sementara bagi aset yang bersifat tidak fizikal seperti perisian komputer pula, kawalan dilakukan ke atas sistem keselamatan dalaman cakera perisian, artikel dan karya ilmiah daripada dipasarkan melalui kawalan struktur dalaman Internet (Schneider, G.P., 2002). Bagi bahantara yang berteknologi tinggi pula, beberapa kaedah teknologi digunakan antaranya yang melibatkan transaksi *e-commerce*, cakera perisian (*CD Software*) dan Internet. Transaksi *e-commerce* melibatkan peniagaan produk-produk harta intelek seperti buku, muzik, gambar, perisian dan sebagainya secara online dan ia terdedah kepada beberapa salah laku seperti capaian tanpa hak, kecurian dan pencerobohan (Richard Spinello, 2003). Perlindungan ke atas transaksi *e-commerce* boleh dilaksanakan dengan beberapa kaedah seperti *Secure Socket Layer (SSL)*, *Secure Electronic Transaction (SET)*, *Public Key Infrastructure (PKI)*, teknik *Digital Watermark*, *Digital Locks* dan lain-lain. Bagi melindungi cakera perisian (*CD Software*), beberapa teknik boleh digunapakai seperti pengekodan, teknik *Digital Watermark*, tandatangan digital (*Digital Signature*) dan teknik penyulitan (*Encryption*). Manakala, bagi perdagangan produk intelek melalui internet pula dapat dilidungi menggunakan perisian atau peralatan seperti *firewall* (Pfleeger, C.P., 1997).

ANALISIS ISU TUNTUTAN HARTA INTELEK SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN MENGIKUT PERSPEKTIF SYARAK DAN UNDANG-UNDANG

Harta intelek merupakan cetusan idea seseorang hasil daripada kreativiti seseorang. Secara amnya, harta intelek adalah milik eksklusif individu tersebut. Sumbangan idea dan kreativiti seseorang kepada masyarakat atau individu yang lain akan menghasilkan bayaran royalti. Bayaran royalti yang diterima hasil kreativiti pasangan berkahwin dalam tempoh perkahwinan mereka seperti penulisan novel, penggubahan lagu, pereka cap dagangan, pembikinan drama dan lain-lain dapat dijadikan sebagai sumber pendapatan kepada pasangan yang berkahwin untuk menyara keluarga. Justeru, pasangan berkahwin berhak menuntut bahagian bayaran royalti tersebut daripada pihak perkahwinannya sekiranya dapat dibuktikan bahawa terdapat sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh perkahwinannya. Sumbangan secara langsung adalah seperti mengeluarkan perbelanjaan bagi menyokong hasil kreativiti pasangan suami atau isteri termasuk mengurus kerja-kerja pasangan suami atau isteri dalam menghasilkan idea atau kreativiti tersebut yang kemudiannya dapat dibuktikan dengan dokumen yang sah. Manakala, contoh sumbangan tidak langsung pula ialah memberi sokongan kepada pasangan suami atau isteri untuk menghasilkan kerja-kerja seperti mengurus anak-anak dan rumahtangga dalam usaha pasangannya mendapatkan harta intelek tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat fatwa yang tidak diwartakan di negeri Kelantan berhubung tuntutan harta sepencarian oleh waris si isteri yang meninggal dunia. Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 18 Ogos 2002 telah membincangkan fatwa mengenai tuntutan harta sepencarian oleh waris si isteri yang meninggal dunia. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

1. Tuntutan harta sepencarian oleh pihak yang masih hidup seperti isteri yang menuntut harta sepencarian suaminya adalah diharuskan sama ada tuntutan itu kerana perceraian hidup atau perceraian mati.
2. Tuntutan harta sepencarian oleh waris si mati seperti anak-anak atau waris si isteri yang meninggal dunia yang menuntut harta sepencarian daripada suami si mati adalah diharuskan sama ada tuntutan itu kerana perceraian hidup atau perceraian mati.
3. Kadar tuntutan harta sepencarian yang layak dituntut oleh pihak yang masih hidup atau waris si mati adalah bergantung kepada keputusan Mahkamah Syariah.

Fatwa yang diputuskan oleh Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 18 Ogos 2002 ini jelas membenarkan tuntutan harta sepencarian oleh si isteri dan waris si mati seperti anak-anak atau waris isteri dalam kes perceraian hidup atau mati. Manakala, kadar tuntutan pula adalah tertakluk kepada keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Dari segi undang-undang pula, setakat ini masih tiada lagi kes berkaitan tuntutan harta sepencarian melibatkan harta intelek yang dibicarakan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Namun demikian, terdapat beberapa kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah yang melibatkan beberapa tuntutan terhadap harta sepencarian melalui waris seperti kes Tuan Awang Tuan Mamat & Lain-lain lwn. Tuan Alam bin Tuan Ahmad & Lain-lain (2006) 22 JH 207, Awang bin Abdul Rahman lwn. Shamsudin bin Awang (1997) 11 JH 193 dan Rohani bt Awing & 3 Yang lain lwn. Maimon binti Awing & 2 Yang Lain (JH) 36 BHG2 1434H.

Dalam kes Tuan Awang Tuan Mamat & Lain-lain lwn. Tuan Alam bin Tuan Ahmad & Lain-lain, Mahkamah telah membenarkan waris-waris kepada suami atau isteri yang telah meninggal dunia untuk menuntut harta sepencarian terhadap pasangan perkahwinan. Walau bagaimanapun Mahkamah dalam kes ini telah menolak tuntutan tersebut kerana difailkan selepas 50 tahun lebih daripada tempoh kematian ibu bapa mereka. Penolakan tuntutan adalah disebabkan oleh faktor kematian ibu bapa bagi waris tersebut yang dianggap terlalu lama. Hal ini menyebabkan Mahkamah berpendirian bahawa waris-waris tersebut telah pun bersetuju dan redha dengan pembahagian harta yang berlaku sebaik sahaja kematian kedua ibu dan bapa mereka.

Selain itu, dalam kes Awang bin Abdul Rahman lwn. Shamsudin bin Awang (1997) 11 JH 193 pula, Mahkamah telah menolak tuntutan yang dibuat oleh anak kepada arwah isteri pertama. Mahkamah beranggapan arwah isteri pertama iaitu ibu kepada penuntut telah meredhai bahagian harta bahagian arwah yang telah didaftarkan ke atas nama suaminya. Selanjutnya Mahkamah mengatakan bahawa arwah ibu kepada penuntut yang lebih berhak menuntut harta tersebut sebagai harta sepencarian, bukannya penuntut sebagai anak kepada arwah ibu. Menerusi kes ini, Mahkamah dilihat tidak bersetuju dengan tuntutan yang dilakukan kerana berpandangan bahawa isteri adalah lebih layak memfailkan tuntutan harta sepencarian bersama suami berbanding dengan waris iaitu anaknya. Keputusan Mahkamah ini dilihat tidak selari dengan keputusan Mahkamah yang diputuskan dalam kes Tuan Awang Tuan Mamat & Lain-lain lwn. Tuan Alam bin Tuan Ahmad & Lain-lain di mana, pihak Mahkamah telah menentukan bahawa waris-waris kepada suami atau isteri yang telah meninggal dunia untuk menuntut harta sepencarian terhadap pasangan perkahwinan. Walau bagaimanapun, keputusan Mahkamah dalam kes ini adalah bertepatan

dengan fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 18 Ogos 2002.

Sementara itu, dalam kes Rohani bt Awing & 3 Yang lain lwn. Maimon bt. Awing & 2 Yang Lain (JH) 36 BHG2 1434H, tuntutan harta sepencarian telah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah oleh isteri yang telah meninggal dunia. Meskipun begitu, beliau telah meninggal dunia sebelum kes tersebut sempat dibicarakan di Mahkamah. Anak-anak si mati telah meneruskan tuntutan harta sepencarian dengan menamakan diri mereka sebagai pihak defendan. Mahkamah Tinggi Syariah telah menolak tuntutan anak-anak si mati. Seterusnya anak-anak si mati telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah. Rayuan anak-anak si mati ini akhirnya telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan Syariah. Hal ini berlaku kerana Mahkamah Rayuan Syariah menyatakan bahawa anak-anak si mati (defendan) telah gagal dalam membuktikan bahawa tanah-tanah yang dituntut sebagai harta sepencarian tersebut adalah tanah yang dimajukan dalam tempoh perkahwinan si mati dan arwah suaminya. Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan Syariah tidak membuat sebarang ulasan mengenai kedudukan (*locus standi*) anak-anak si mati yang menfailkan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah bagi pihak ibu mereka yang telah meninggal dunia. Malah, isu tersebut langsung tidak dibangkitkan oleh mana-mana pihak dalam kes ini. Perkara ini menunjukkan Mahkamah telah bersetuju bahawa anak-anak kepada si mati boleh membawa tindakan bagi pihak si mati dalam membuat tuntutan harta sepencarian.

KESIMPULAN

Tuntutan harta sepencarian oleh waris dibenarkan oleh Mahkamah Syariah meskipun tuntutan harta sepencarian sebenarnya adalah hak eksklusif pasangan perkahwinan iaitu suami dan isteri. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini, sudah menjadi trend bagi waris-warisan menuntut harta sepencarian di Mahkamah Syariah. Malah fatwa di negeri Kelantan membenarkannya. Pada kebiasaannya, Mahkamah Syariah mengambil kira fakta dan pembuktian kes oleh Plaintiff dalam memutuskan tuntutan dan kadar pembahagian tuntutan terhadap harta sepencarian. Bagi menfailkan tuntutan harta sepencarian, anak-anak kepada pasangan perkahwinan yang telah meninggal dunia hendaklah mengemukakan bukti-bukti sumbangan yang telah dilakukan oleh pasangan perkahwinan semasa hayat untuk memperolehi harta tersebut termasuk mengembangkan atau menambahbaikkan harta tersebut dalam tempoh perkahwinan arwah ibu atau bapa. Oleh itu, tuntutan tersebut perlu difailkan di Mahkamah Syariah dengan kadar segera bagi mengelakkan bukti-bukti penting rosak dan hilang dalam simpanan. Di samping itu, sebarang kelewatan menfailkan tuntutan

tersebut di Mahkamah akan mengakibatkan Mahkamah beranggapan pasangan perkahwinan telah meredhai bahagian harta tersebut terhadap pasangan semasa hayatnya. Tiada peruntukan khusus dalam undang-undang berkaitan harta apa yang boleh dituntut sebagai harta sepencarian. Justeru, tiada sebarang halangan di sisi undang-undang untuk menuntut apa-apa jenis harta termasuklah harta intelek. Maka, dengan ini harta intelek dikategorikan sebagai harta yang boleh dituntut sebagai harta sepencarian.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Abd. Latif, A., *Harta Sepencarian: Pelaksanaan dan Penilaian Menurut Hukum Syarak*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

Abd Majid, M.Z., *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1992.

Abdul Ghani Azmi, I.M., *Intellectual Property and the Syari'ah*. 27 IIC: 649-674, 1996.

Abdul Rahman, N., *Cara-Cara Pembahagian Harta Sepencarian di Mahkamah-Mahkamah*. Kertas kerja Seminar Faraid Kebangsaan, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

Ahmad., H.S., *Al-Madkhal ila al-Fiqh al-Islami*. Kaherah, Dar al-Kitab al-Jami'iy, 1979.

Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175).

Akta Hakcipta 1987 (Akta 332).

Akta Paten 1983 (Akta 291).

Akta Rekabentuk Perindustrian 1996 (Akta 552).

Akta Cakera Optik 2000 (Akta 606).

“An al-Majma’ al-Fiqh al-Islami” Laman sesawang Rabiṭah al-‘Alam al-Islami - al-Majma’ al-Fiqh al-Islami. Dicapai 30 September 2020. <http://ar.themwl.org/node/11>.

Awang bin Abdul Rahman lwn. Shamsudin bin Awang (1997) 11 JH 193.

Bouchoux, D.E., *Protecting Your Company’s Intellectual Property*. New York, AMACOM, 2001.

al-Bukhari, Muhammad Ismail., *Sahih Bukhari*, Kitab al-‘Ilm, Bab Kaifa Yaqbidu al-‘Ilm, jil. 1, 1981.

al-Durayni, F., *Haqq al-Ibtikar fi al-Fiqh al-Islami al-Muqaran*. Beirut, Muassasah al-Risalah, 1984.

Enakmen Undang-Undang Islam Kelantan No. 6 Tahun 2002.

Fatwa Tuntutan Harta Sepencarian, Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 18 Ogos 2002.

al-Ghazali, Abu Hamid., *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Jil. 1. Beirut, Dar al-Khayr, 1994.

al-Hajjaj, Muslim., *Sahih Muslim*, Kitab al-Wasiyyah, Bab Ma Yulhaqu al-Insan Min al-Thawwab Ba’da Wafatih, no. hadith. 4199, 1994.

Hasbullah., B., *Locus standi waris dalam tuntutan harta sepencarian selepas kematian di Mahkamah Syariah di Malaysia*. Tesis Sarjana. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017.

Hassan, K.H., *Penulis dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Hassan, R., *Intellectual Property-Its Protection in Malaysia: With Special Reference to Patents, Copyright and Trademarks*. Tesis Sarjana. Gombak, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1993.

Hoe, L.H., *Cases on Native Customary Law in Sabah*. Kota Kinabalu, Jabatan Cetak Kerajaan, 1973.

Ibn Majah, Muhammad Yazid, Sunan Ibn Majah, *Kitab al-Muqaddimah*, Bab al-Fadl al-‘Ulama’ Wa al-Hasthu ‘Ala Talabi al-‘Ilm, no. hadith. 224, t.t.

- Ibn al-Manzur, Muhammad Makram., *Lisan al-Arab*, Dar Sadir, Beirut, 1993.
- Ibn Khaldun, Abu Zaid Abd al-Rahman., *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kaherah, Dar al-Sya'ib, t.t.
- Ibn al-Ukhuwwah. *Ma'alim al-Qurbah fi Ahkam al-Hisbah*. Kaherah, al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab, 1976.
- Ibrahim, A., *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1999.
- 'Itr, Nur al-Din., *Manhaj fi 'Ulum al-Hadith*. Damsyik, Dar al-Fikr, 1988.
- Jalal al-Din, Abd al-Rahman, *Al-Masalih al-Mursalah wa Makanatuha fi al-Tashri*, Kaherah, Dar al-Kitab al-Jami'iy, 1983.
- Jum'ah, N., *Durus fi al-Madkhal li al-'Ulum al-Qanuniyyah*. Kaherah, Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1977.
- Jurnal Laporan Syariah, *The Malaysian Current Law Journal*, Kuala Lumpur, ICLJ, 2008.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dicapai 30 September 2020. <https://www.kpdnhep.gov.my/ms/perdagangan/perniagaan/harta-intelek/harta-intelek.html>
- al-Khafif, 'Ali. *al-Milkiyyah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah ma'a Muqaranatiha bi al-Qawanun al-'Arabiyyah*. Beirut, Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1990.
- al-Khafif, 'Ali. *Ahkam al-Mu'amalat al-Syar'iyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1996.
- Kitner, E.W., *An Intellectual Property Law Primer*. New York, MacMillan Publishing Co. Inc, 1975.
- Lipton, J., *Security Over Intangible Property*. Australia, LBC Information Service, 2000.

- Madkur, Muhammad Salam., *al-Fiqh al-Islami: al-Madkhal wa al-Amwal wa al-Huquq wa al-Milkiyyah wa al-'Uqud*. Kaherah, Maktabah 'Abd Allah Wahbah, 1955.
- Mat Hussin, M.N & Jamaluddin, M.H., Harta Sepencarian vs Harta Perkahwinan dalam Perundangan Sivil, *Jurnal Al-Basirah*, jil. 6, bil. 1, 2016.
- Makdisi, G., *The Rise of Colleges: Institutions of Learning and The West*. Edinburgh, Edinburgh University Press, 1981.
- Mazlan, M.F. & Muda, M.Z., Tinjauan Literatur Kedudukan Hak Cipta Sebagai Harta Sepencarian. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 99-109, 2020.
- Md. Nor, S.Z., *Harta Sepencarian*. Kota Bharu, Darul Naim Sdn. Bhd., 2007.
- Mohd Noor., R., *Pembuktian dalam Kes Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia*, *Jurnal Syariah*, jil. 15, bil. 1, 2007.
- Muhammad, A.K., *Harta Sepencarian: Konsep Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*. *Jurnal Syariah*, jil.1, bil. 4, 1996.
- Muhammad, N., *al-Madkhal li Dirasah al-Qanun*. Jil. 2. Kaherah, Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1977.
- Mustafa, I. et al., *Al-Mu'jam al-Wasit*. Turki, Al-Maktabah al-Islamiyyah, 1972.
- al-Najjar, A.M., *al-Himayah al-Muqarrarah li Huquq al-Muallifin al-Adabiyyah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1990.
- Notis No. 33 Tahun 1919 (Pembahagian Harta Benda Laki Bini) Kelantan.
- Pfleeger, C.P., *Security in Computing*. New Jersey, Prentice Hall, 1997.
- Quzamil, S.R et al., *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asarah: Muhadarat bi Kulliyah al-Syari'ah Wa al-Qanun*, Tanta, 2001.

Razak, M.S., *Tuntutan Harta Sepencarian: Konsep dan Amalan di Malaysia*. LNS (A) 1xxxviii., 2018.

Rohani bt Awing & 3 Yang lain lwn. Maimon binti Awing & 2 Yang Lain (JH) 36 BHG2 1434H

Rosman, A.S., Pengaruh al-'Uruf Dalam Pensyariatan Harta Intelektual Menurut Perundangan Islam. Kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa III, Peringkat Kebangsaan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 7-8 November, 2000.

Rosman, A.S., *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-Undang Malaysia*. Skudai, Johor, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.

al-Sanhuri, 'Abd al-Razzaq, *al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1967.

Schneider, G.P., *Electronic Commerce*. Canada: Thomson Course Technology, 2002.

Sitiris, M. *Al-Huquq al-Maliyyah lil Muthollaqah*. Tesis Doktor Falsafah, Gombak, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008.

Sitiris, M & Halim, A.H., Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian. 22 Kanun (1): 26-45, 2010.

Spinello, R., *Cyberethics: Morality and Law in Cyberspace*. London, Jones and Bartlett Publishers International, 2003.

Streibich., H.C., The Moral Right of Ownership to Intellectual Property Part 1: From the Beginning to the Age of Printing. *Memphis State University Law Review*. University of Memphis, 1975.

Syalabi, Muhammad Mustafa., *al-Madkhal fi al-Ta'rif bi al-Fiqh al-Islami wa Qawa'id al-Milkiyyah wa al-'Uqud Fih*. Kaherah, Matba'at Dar al-Ta'lif, 1966.

Syibir, Muhammad 'Uthman., *al-Muamalat al-Maliyyah al-Mu'asarah fi al-Fiqh al-Islami*. Jordan, Dar al-Nafais, 1999.

Tapah, S., Harta Sepencarian dan Wang Simpanan KWSP: Satu Perbincangan Dari Sudut Sumbangan Secara Tidak Langsung. *Jurnal Syariah*. Jil. 11, Bil. 1, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2003.

Tuan Awang Tuan Mamat & Lain-lain lwn. Tuan Alam bin Tuan Ahmad & Lain-lain (2006) 22 JH 207.

Turner, C., *The Information E-conomy*, Kagan Page Limited, London, 2000.

Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Mahkamah Qadhi Kelantan Tahun 1953.

Wahdan, Reda 'Abd al-Rahman., *al-Tawazun al-Mafqud fi Istiqlal al-Haq al-Mali li al-Muallif fi zi al-Taqrinat al-Mu'asarag wa al-Mutaghaiyyirat al-Iqtisadiyyah: Dirasah Muqaranah*. Kertas kerja Nadwah Huquq al-Muallif: Madkhal Islami di Universiti al-Azhar, Kaherah, 1996.

Yaacob, M.A & Md. Nor, S.Z., *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur, Ar-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, cet. ke-1, 1989.

Zakaria, N. F., *Tuntutan Harta Sepencarian dalam Poligami Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018.

al-Zarqa', Mustafa Ahmad. *al-Madkhal al-Fiqh al-Islami*. jil. 3. Damsyik, Dar al-Fikr, 1968.

Zuall Cobley, R.W., *Undang-Undang Hak Cipta di Malaysia*. Kuala Lumpur, Tetapvest Sdn. Bhd, 1999.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.